



KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA

TEKS UCAPAN ALUAN

**YB DATUK AARON AGO DAGANG
MENTERI PERPADUAN NEGARA**

SEMPENA

MAJLIS AMANAT PERDANA HARI KEBANGSAAN 2024

**30 OGOS 2024 (JUMAAT)
5.00 PETANG**

**PUSAT KONVENSYEN ANTARABANGSA PUTRAJAYA
(PICC)**

Salam Sejahtera, Salam Perpaduan dan Salam Malaysia MADANI

SALUTASI

*(*akan disediakan secara berasingan)*

PENDAHULUAN

Sekalung penghargaan kepada YAB Perdana Menteri, Dato Sri Anwar Ibrahim kerana memberikan peluang kepada Kementerian Perpaduan Negara sebagai tuan rumah bagi Majlis Amanat YAB Perdana Menteri sempenan Sambutan Hari Kebangsaan Ke-67.

Tema pada tahun ini adalah **Malaysia MADANI: Jiwa Merdeka**. 'Malaysia MADANI' tunjang kemakmuran dan kemajuan negara melalui dukungan enam nilai teras utama. Sementara 'Jiwa Merdeka' menzahirkan kebebasan rakyat daripada sebarang elemen negatif dalam menginterpretasikan semangat patriotik melalui aspek pemikiran, integrasi sosial dan ekonomi seterusnya membentuk kesatuan rakyat yang kukuh, harmoni serta progresif.

Semenjak Persekutuan Tanah Melayu mencapai kemerdekaan 67 tahun yang lalu, kita telah menerima bahawa kepelbagaian yang wujud sebagai kekuatan utama negara. Pada usia negara 67 tahun ini, kita sebagai rakyat Malaysia harus mengutamakan konsep **Faham, Hormat dan Terima**. Sikap ini perlu dihayati oleh setiap lapisan masyarakat di setiap peringkat. Pemahaman adalah kunci pada suatu penerimaan yang akan menepis segala kegusaran tersebut. Kita harus menerima bahawa perbezaan yang dimiliki adalah suatu kepelbagaian dan anugerah istimewa kepada kita.

Perpaduan menjadi tonggak utama dalam membina Malaysia MADANI. Dalam mengekalkan semangat cintakan negara, saya menyeru agar semua rakyat Malaysia memainkan peranan penting dalam menghayati kepelbagaian budaya serta menghormati perbezaan agama. Sehubungan dengan itu, Kementerian Perpaduan Negara akan terus memberikan fokus dalam meningkatkan semangat perpaduan, kenegaraan, jati diri, muhibbah, kebersamaan, integrasi nasional dan kesukarelawanan.

Usaha ini dapat diperlihatkan melalui peranan yang dimainkan oleh Kementerian Perpaduan Negara seperti pelaksanaan program di bawah Semarak Kenegaraan dan Semarak Perpaduan, menganjurkan sambutan perayaan utama seperti Pesta Ponggal, Tahun Baru Cina (kerjasama dengan MyDin), Hari Raya Aidilfitri, Pesta Gawai dan sebagainya. Melalui penglibatan ini tentunya kita berjaya meningkatkan semangat ukhuwah dan perpaduan dalam kalangan rakyat Malaysia berbilang bangsa, agama dan budaya. Sambutan perayaan adalah platform terbaik dalam memperkukuhkan tapak integrasi.

Kementerian Perpaduan Negara selaku peneraju Agenda Perpaduan Nasional telah diberi kepercayaan untuk menyelaras Kontijen Perpaduan Malaysia MADANI dalam Segmen Komuniti acara perbarisan dan perarakan pada esok yang akan melibatkan lebih 700 orang peserta berpakaian etnik dan tradisi mewakili pelbagai kaum dan etnik di Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak termasuk Orang Asal.

Untuk makluman YAB, Kementerian Perpaduan Negara dan agensi dibawahnya turut mengambil inisiatif untuk melaksanakan 80 program bermula dari bulan Julai 2024 hingga September 2024 sempena Hari

Kebangsaan dan Hari Malaysia. Antara program yang telah dirancang dan telah dilaksanakan ialah Majlis Memperingati Negarawan Tunku Abdul Rahman dan Tun Jugah, Program Melukis Mural Rukun Negara, Program Bicara Merdeka, Program Foodies Run Merdeka, Konvensyen Sejarah & Perpaduan, Program Bermalam di Muzium, Program Sambutan Anak Merdeka, Program Ini Warisan Kita : Train to Beaufort. Liga Sukan Uniti dan Kempen Kibaran Jiwa Merdeka

Untuk makluman semua, baru-baru ini cadangan mewujudkan Piagam Harmoni Malaysia telah diluluskan oleh mesyuarat Jawatankuasa HARMONI (Keharmonian Antara Penganut Agama). Piagam ini bertujuan untuk mengukuhkan dan melengkapkan prinsip-prinsip yang terkandung dalam Rukun Negara. Ianya telah dibangunkan dengan input daripada pakar agama Islam serta penganut agama-agama lain bagi memastikan rakyat berbilang kaum saling menghormati dan hidup secara harmoni. **Piagam ini merangkumi enam prinsip utama, 12 nilai keharmonian, 32 panduan dan sembilan hala tuju.**

Saya dan seluruh tenaga kerja Kementerian Perpaduan Negara ingin mengucapkan Selamat Menyambut Hari Kebangsaan ke-67 kepada semua rakyat Malaysia yang berbilang bangsa, agama dan budaya. Sambutan ini adalah platform yang tepat bagi kita sama-sama mengukuhkan integrasi dan nilai kebersamaan sesama rakyat Malaysia.

**Selamat Menyambut Hari Kebangsaan ke-67.
Malaysia MADANI: Jiwa Merdeka!**

Dengan ini saya menjemput YAB Perdana Menteri untuk menyampaikan amanat beliau.

Sekian, terima kasih.